1103/1
Bahasa Melayu Kertas 1
Ogos – September 2025
2 jam

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

==========

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2025

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **dua** *bahagian* : **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**

2. *Jawab soalan* **Bahagian A** *dan* **satu** *soalan daripada* **Bahagian B**.

3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak dan 4 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

 © 2025 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

BAHAGIAN A

[30 *markah*]

[*Masa dicadangkan* : 30 *minit*]
Soalan ini **mesti** *dijawab.*

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan **jenayah siber** *di Malaysia.*

Berdasarkan maklumat tersebut , huraikan pendapat anda tentang **jenayah siber** *dalam kalangan masyarakat. Panjangnya huraian anda hendaklah antara* **150 hingga 200 patah perkataan.**







‘Hati-hati kongsi maklumat di media sosial’

Kuala Lumpur: Penyebaran maklumat tidak sahih di media sosial yang boleh mencemar dan mengaibkan orang lain adalah perbuatan yang tidak berakhlak, berdosa dan dilarang Islam.

Sehubungan itu, Penasihat Majlis Agama Islam Johor, Datuk Noh Gadut, meminta orang ramai menggunakan media sosial mengikut adab dan akhlak Islam sebagai medium untuk berdakwah, bukan platform menyebar fitnah bagi mengaibkan pihak lain.

“Perlu berhati-hati berkongsi maklumat di media sosial. Mungkin mereka anggap ia perkara remeh, namun memberi kesan buruk kepada individu yang difitnah, sedangkan dalam Islam kita ditegah membuka keburukan sendiri, apatah lagi aib orang lain. Bayangkan perasaan ahli keluarga dan diri sendiri jika difitnah,” katanya.

Ghairah sebar berita

Sambil melahirkan kebimbangan kerana semakin ramai ghairah menyebarkan berita walaupun maklumat itu mungkin tidak tepat atau palsu, beliau berkata, jika maklumat yang dikongsi adalah fitnah, mereka yang turut menyebarkannya dianggap bersubahat dan sama-sama menanggung dosa.

“Kita harus berhati-hati dan perlu ingat jika tiada tindakan diambil atas perbuatan fitnah di dunia, kita tidak akan terselamat di Padang Mahsyar,” katanya yang turut menasihatkan pengguna media sosial agar mendapatkan pengesahan pihak berkuasa dan memeriksa kesahihan maklumat sebelum disebarkan.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Dakwah Negara, Prof Emeritus Datuk Dr Mahmood Zuhdi Abdul Majid, berkata perbuatan menyebarkan maklumat tidak benar boleh menimbul fitnah dan individu yang menyebarkannya adalah berdosa dan tidak berakhlak.

*“Kita harus berhati-hati dan perlu ingat jika tiada tindakan diambil atas perbuatan fitnah di dunia, **kita tidak akan terselamat di Padang Mahsyar**”*

Noh Gadut,
Penasihat Majlis Agama Islam Johor

[Lihat halaman sebelah

 © 2025 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

BAHAGIAN B

[70 *markah*]

[*Masa dicadangkan* : 1 *jam* 30 *minit*]

Bahagian ini mengandungi **empat** *soalan. Jawab* **satu** *soalan.*

Pilih **satu** *daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara* **350 hingga 500 patah perkataan**.

1

Generasi kini harus menghargai pengorbanan tokoh dan pahlawan yang mempertahankan kedaulatan negara. Antara cara yang boleh dilaksanakan termasuklah menamakan bangunan atau jalan dengan nama tokoh. Selain itu, ibu bapa boleh membawa anak-anak melawat muzium atau tempat bersejarah di negara kita. Penggubah lagu dan penggiat filem juga boleh menghasilkan lagu serta memperbanyak filem atau dokumentari mengenai tokoh dan pahlawan negara.

Sumber : *Dewan Siswa*, Bil. 08/2024

Berdasarkan petikan, huraikan cara-cara penghargaan tersebut.

2

Pendedahan terhadap aktiviti riadah seperti berbasikal, berjoging, mendaki gunung, dan memanah dalam kalangan remaja sejak awal usia dapat menjadikan mereka cergas dan cerdas. Secara tidak langsung, golongan remaja dapat mengekalkan tahap kesihatan yang baik, membentuk hubungan komunikasi yang baik dan dapat menerapkan perasaan cinta akan alam semula jadi.

Sumber: *Dewan Siswa*, Bil. 7/2020

Huraikan kesan-kesan tersebut.

[Lihat halaman sebelah

1103/2
Bahasa Melayu Kertas 2
Ogos – September 2025
$2\frac{1}{2}$ jam

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

==========

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2025

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **tiga** *bahagian*: **Bahagian A**, **Bahagian B**, *dan* **Bahagian C**.

2. *Jawab* **semua** *soalan.*

3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

 © 2025 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 *markah*]

1 *Baca petikan di bawah dengan teliti*. *Kenal pasti dan senaraikan* **empat kata kerja pasif**. *Kemudian bina* **satu** *ayat anda sendiri daripada setiap kata kerja pasif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, kata ganda atau nama khas.*

Ali bertugas di pekan itu sejak setahun yang lalu. Dia sering teringat oleh ibunya di kampung. Sejak ayah Ali kemalangan jalan raya, ibunya berharap agar Ali bercuti dan pulang untuk menziarahi ayahnya. Kos rawatan ayahnya di hospital belum terbayar oleh ibunya. Ibunya kehabisan wang. Wang kiriman Ali amat diperlukan oleh ibunya. Sejak mendengar berita ayahnya itu, Ali terkenang akan nasib keluarganya. Ali berharap agar dia dibenarkan untuk bercuti. Dia ingin segera pulang ke kampung.

[8 *markah*]

2 *Baca petikan di bawah dengan telitinya. Tukarkan* **ayat bersusunan songsang** *yang bergaris kepada* **ayat bersusunan biasa** *tanpa mengubah maksud asalnya. Jawapan hendaklah disenaraikan mengikut turutan.*

Hari Kebangsaan Malaysia disambut pada 31 Ogos pada setiap tahun. Untuk meningkatkan kesedaran rakyat tentang sejarah pembentukan Malaysia, sambutan Hari Kebangsaan merupakan satu daripada cara yang sangat efektif. (1) Sambutan Hari Kebangsaan boleh dijadikan sebagai platform kepada institusi pendidikan untuk menyemai nilai patriotisme dalam kalangan murid. Didedahkan dengan pelbagai pengalaman yang menarik murid melalui aktiviti pendidikan seperti pertandingan bercorak kemerdekaan, ceramah sejarah dan lawatan sambil belajar. (2) Belakangan ini, sambutan Hari Kebangsaan turut dijadikan sebagai wadah untuk mengetengahkan isu sosial dan kemanusiaan. Untuk terus membangunkan negara rakyat juga disuntik dengan semangat patriotik. (3)

Dipetik dan diubah suai daripada
'Sambutan Hari Kebangsaan Meningkatkan Nasionalisme Identiti negara'
Oleh Marja Azlima Omar
Dewan Siswa, Bil 08/2023

[6 *markah*]

[Lihat halaman sebelah

 © 2025 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam* **bahasa Melayu standard** *tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka sembah Temenggung, "Daulat tuanku, patik sendiri masuk berkawal." Maka Temenggung pun bermohon kembali ke rumahnya berkerah segala hambanya lima ratus orang dengan alat senjatanya.

Setelah hari malam maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota. Maka didengarnya bunyi orang berkawal dan bunyi lembing perisai gemeretak. Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu ia berjalan pada tengah orang banyak itu lalu masuk ke rumah Bendahara.

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan'
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 *markah*]

 © 2025 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

7 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Pohon nyiur di halaman rumah Pak Yassin kelihatan seperti melambai-lambai apabila ditiup angin.
"Baguslah macam tu, Mat. Kau mempunyai sikap yang terbuka dengan pelanggan," puji Pak Shuib.

Sejak daripada kecil lagi kau dah menunjukkan minat untuk berniaga. Sikap rajin menolong arwah ayah kau di kedai ini juga wajar dicontohi," kata Pak Hashim pula.

"Arwah ayah yang mendidik saya supaya mempunyai sikap yang sedemikian. Kalau kita nak pelanggan kekal lama dengan kita, kita hendaklah banyak bersabar dan jangan bersikap kasar dengan mereka. Sentiasalah menunjukkan kemesraan dan tersenyum walaupun dalam kepenatan melayan ragam dan karenah mereka," jelasnya lagi dengan penuh panjang lebar.

Dipetik dan diubah suai daripada
Cerpen Kisah Si Peniaga Kedai Runcit
Karya Azaika SR

Bahan 2

SENI PERNIAGAAN

Perniagaan bukan sekadar jual dan beli
ia seni menawan hati
bermula dengan niat yang murni
moga berkembang ke serata negeri.

Pelanggan itu nadi berniaga
senyuman ikhlas jadikan budaya
layanan baik penambat setia
agar mereka kembali semula.

Barang dijual biarlah berkualiti
bukan semua untung datang berlari
jatuh bangun lumrah duniawi
yang penting jangan berhenti
terus usaha dengan hati suci
yakinlah tuhan sentiasa memberkati.

Shaf
2020

Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

[30 *markah*]

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	**26 – 30** (28 – 30) (26 – 27)	**<u>Tema/Tugasan</u>** • Karangan **menepati tema** bahan rangsangan / tugasan. **<u>Idea</u>** • Idea **relevan** dengan tema bahan rangsangan / tugasan. • Huraian **jelas** dan **matang**. **<u>Bahasa</u>** • Bahasa **gramatis** dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata **luas** dan **tepat**. • Unsur bahasa yang digunakan **bervariasi**. • Penggunaan ungkapan menarik **sesuai** dan **tepat**. • Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan tanda baca **betul** dan **tepat**. **<u>Pengolahan</u>** • Pengolahan **menarik** dan **berkesan**. • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. • Wacana lengkap. • Pemerengganan sesuai. *** Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmah, petikan hadis, maksud ayat al-Quran dan lain-lain**.

[Lihat halaman sebelah

 © 2025 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

Suka sampel ini?

Kertas Trial SPM

Bahasa Melayu (25+ set)

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX online banking · download serta-merta